



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

JUMAAT, 13 OKTOBER 2023

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

13/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	QUICKCHECK: WAS A DISABLED MAN WHO STOPPED RECEIVING AN ALLOWANCE STILL ELIGIBLE FOR IT?	
	https://www.thestar.com.my/news/true-or-not/2023/10/12/quickcheck-was-a-disabled-man-who-stopped-receiving-an-allowance-still-eligible-for-it	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	VIDEO TULAR SALAHKAN KPW: TAMAT BANTUAN AKIBAT HILANG KELAYAKAN	
	https://www.suarakeadilan.my/post/video-tular-oku-tamat-bantuan-akibat-hilang-kelayakan	SUARAKEADILAN.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	RUMAH TRANSIT DISEDIAKAN UNTUK MANGSA RIBUT DI SENGGARANG	
	https://www.thesundaily.my/cerita/rumah-transit-disediakan-untuk-mangsa-ribut-di-senggarang-JH11615950	THESUNDAILY.MY
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2234181	BERNAMA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
4	KELANTANFM SANTUNI BEKAS PENDIKIR VETERAN	
	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/70930-kelantanfm-santuni-bekas-pendikir-veteran	BERITA.RTM.GOV.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t @ kpwkm

13/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
5	TANAH RUNTUH CAMERON HIGHLANDS: PENGHUNI DI 16 BUAH RUMAH DIARAHKAN PINDAH	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tanah-runtu-h-cameron-highlands-penghuni-di-16-buah-rumah-diarahkan-pindah-441516	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
6	SAMPAI HATI DITINGGALKAN IBU	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1019242/sampai-hati-ditinggalkan-ibu	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	PENDAKI WANITA MALAYSIA DISAHKAN MENINGGAL DUNIA DI NEPAL AKIBAT SERANGAN AKUT GUNUNG	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1163905/pendaki-wanita-malaysia-disahkan-meninggal-dunia-di-nepal-akibat	BHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1019071/mayat-pendaki-wanita-malaysia-disempurnakan-di-nepal	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	WANG SIMPANAN GURU RM190,000 LESAP ANGKARA 'PHONE SCAM'	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wang-simpanan-guru-rm190000-lesap-angkara-phone-scam-441509	ASTROAWANI.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

13/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
9	CURI 2 JAM ROLEX SUAMI, WANITA DIDAKWA MAHKAMAH	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1019135/curi-2-jam-rolex-suami-wanita-didakwa-mahkamah	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	KANAK-KANAK WARGA ASING: BAITUL MAHABBAH KEDUA DIBUKA DI SABAH NOVEMBER	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-warga-asing-baitul-mahabbah-kedua-dibuka-di-sabah-november-441468	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
11	LELAKI OKU HILANG LEBIH DUA MINGGU TANPA JEJAK	
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/10/lelaki-oku-hilang-lebih-dua-minggu-tanpa-jejak/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1019285/oku-berkerusi-roda-hilang-lebih-2-minggu	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
12	WARGA EMAS MAUT DILANGGAR KETIKA CUBA BUAT PUSINGAN U	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-maut-dilanggar-ketika-cuba-buat-pusingan-u-441409	ASTROAWANI.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/628805/berita/semasa/warga-emas-maut-dilanggar-ketika-cuba-buat-pusingan-u	SINARHARIAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my


[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

13/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
13	WARGA EMAS CEDERA LAWAN PENYAMUN CUBA RAMPAS KERETA	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1019264/warga-emas-cedera-lawan-penyamun-cuba-rampas-kereta	HMETRO.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/10/12/empat-lelaki-cuba-samun-cederakan-warga-emas-diburu-polis/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/12/empat-lelaki-gagal-cubaan-samun-berparang-diburu-polis/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
14	MENITI USIA EMAS TANPA NYANYUK	
	https://www.bharian.com.my/hujung-minggu/sihat/2023/10/1163881/meniti-usia-emas-tanpa-nyanyuk	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
15	GUNA KENDERAAN ASING BERNOMBOR PLAT TEMPATAN PALSU UNTUK SELUDUP DIESEL	
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/10/guna-kenderaan-asing-nombor-plat-tempatan-palsu-untuk-seludup-diesel/	UTUSAN.COM.MY



TAJUK : MAHKAMAH KEKAL PERINTAH EIRA AZIERA BAYAR RM100,000

HARI : JUMAAT

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 13 OKT 2023

M/SURAT : 22

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Kes hina bentuk badan

Mahkamah kekal perintah Eira Aziera bayar RM100,000

Putrajaya: Mahkamah Rayuan semalam mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi mengarahkan Noorazira Pissal atau dikenali Eira Aziera, membayar ganti rugi RM100,000 kepada Suharnizan Md Sidek yang menjadi mangsa 'body shaming' atau penghinaan bentuk badan oleh pengengaruh media sosial itu.

Panel tiga hakim dipengerusikan Datuk Seri Kamaludin Md Said yang bersidang bersama Datuk Ahmad Zaidi Ibrahim dan Da-

tuk S M Komathy Suppiah, sebulat suara membuat keputusan itu.

Ahmad Zaidi berkata, pihaknya bersetuju bahawa Mahkamah Tinggi tidak terkhilaf apabila memutuskan perkataan diluahkan Eira Aziera sebagai defendan adalah fitnah dan jelas tanpa memerlukan pakar untuk mengesahkannya.

Beliau berkata, tiada merit dalam rayuan Eira Aziera dan tidak dibuktikan bahawa Mahkamah Tinggi membuat kesilapan.

"Kami dapati jumlah 'award' (ganti rugi diperintahkan) oleh Mahkamah Tinggi adalah munasabah, tidak berlebihan atau tidak kurang.

"Mahkamah Tinggi sudah mengambil kira mengenai 'body shaming' dan 'cyber bullying' (buli siber).

"Rayuan balas (untuk ganti rugi sebanyak RM2 juta) oleh pihak plaintif (Suharnizan) berhubung kuantum itu (RM100,000) tiada meritnya dan ia ditolak, kuantum

itu adalah dikekalkan," katanya.

Terdahulu, peguam bela Eira Aziera, Yahaya Ahmad, berkata berkata semua tuntutan oleh Suharnizan terhadap anak guam bersifat 'hear say' atau dengar cakap.

"Kami hairan kenapa suami kepada plaintif tidak dipanggil (memberi keterangan), dia saksi yang amat penting kerana mendedgar video sejam itu (mengandungi kenyataan dibuat anak guam terhadap plaintif).


"Kalau gagal memanggil (sua-

mi plaintif, bermakna gagal membuktikan kes itu," katanya.

Sementara itu, peguam mewakili Suharnizan, Mohd Rasheed Hassan, berkata tiada keperluan memanggil suami anak guam untuk memberi keterangan.

"Defendan mengakui membuat video itu, untuk memanggil pihak lain adalah membuang masa.

"Kita sudah transkrip video itu ke dalam pernyataan tuntutan dan menyerahkannya kepada mahkamah," katanya.



TAJUK : 'KITA TAK SIHAT LA IBU...'

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 13 OKT 2023

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Muhamad
Lokman Khairi
am@hmetro.com.my

Pasir Salak

Mak cik baru balik daripada umrah, tiba-tiba dapat berita dua anak kembar mak cik dah pergi selamanya. Orang boleh nasihat sabar, tapi kita yang menanggung perasaan sedih hilang dua anak," luah Siti Masyitah Talkah, ibu kepada pasangan kembar yang maut akibat terbabit nahas di Jalan Kampung Gajah-Tanjung Tualang, dekat Kampung Changkat Rambai di sini, kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 11.30 pagi, mangsa, Nur Zuhaida dan adiknya, Nur Shahidah Abdull Karim, masing-masing berusia 33 tahun maut selepas kereta dinaiki mereka bertembung dengan sebuah kenderaan utiliti sukan (SUV).

Siti Masyitah, 71, berkata, dia baru sahaja tiba ke tanah air pada Selasa lalu.

Semasa kejadian, ibu kepada sembilan anak itu berada di rumah anak keduanya, Zalifah Abdull Karim di Banting, Selangor untuk berehat sebelum bercadang pulang ke kediaman di Felcra Seberang Perak, Kampung Gajah di sini, semalam.

Katanya, berita kematian anak ketujuh dan kelapannya itu disampaikan oleh jiran melalui panggilan telefon kira-kira jam 12 tengah hari, kelmarin.

"Ya Allah, tak tahu nak cakap perasaan ketika itu. Hendak menjerit, tapi kita tak sanggup.

"Jiran yang menelefon nasihatkan jangan (me-raung kerana dilarang da-

PASANGAN KEMBAR MAUT KERETA BERTEMBUNG SUV

'Kita tak sihat la ibu..'



NUR Shahidah (duduk, kanan) dan Nur Zuhaida (duduk, dua dari kanan) maut dalam nahas di Jalan Kampung Gajah-Tanjung Tualang, dekat Kampung Changkat Rambai, Pasir Salak. - Gambar NSTP/MUHAMAD LOKMAN KHAIRI



KEADAMAN Perodua Kancil dan SUV yang bertembung sehingga mengakibatkan pasangan kembar maut.

lam Islam), kita serah kepada Allah SWT. Memang orang cakap senang, tapi yang menanggung perasaan itu kita.

"Terus mak cik dan anak

menantu bergegas balik ke Perak. Mak cik nak tengok wajah dua anak kembar buat kali terakhir," katanya sayu semasa ditemui di kediaman mereka di Felcra

Seberang Perak di sini, semalam.

Siti Masyitah berkata, kembar yang amat rapat itu sebenarnya dalam perjalanan pulang da-

ri klinik pakar kulit di Tanjung Tualang menuju ke rumah.

Jelasnya, dia tidak menyangka perbualan telefon bersama Nur Shahidah awal pagi kelmarin yang mengadu sakit kulit adalah kali terakhir dia dapat mendengar suara anaknya itu.


"Shahidah telefon mak cik, dia menangis. Saya tanya kenapa nangis? 'Kita tak sihat la ibu'. Tak sihat pergi klinik. Dia panggil 'ibu...ibu'. Sayu rasanya.

"Dia menunggu kakaknya, Zuhaida belum balik dari kerja syif malam. Kedua-duanya rapat dari kecil, hingga bekerja di kilang sarung tangan getah di Lekir pun bersama-sama. Cuma Zuhaida...syif malam, Shahidah...syif pagi.

"Rupa-rupanya, Allah SWT takdirkan akrab mereka dari rahim bersama, sehingga liang lahad pun mereka pergi bersama," katanya tidak mampu menahan air mata.



SITI Masyitah menunjukkan gambar Nur Shahidah (duduk, kanan) dan Nur Zuhaida (duduk, dua dari kanan)



TAJUK : 4 PELAJAR DIDAKWA

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 13 OKT 2023

M/SURAT : 18

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



EMPAT pelajar diikat jamin selepas mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret Muar kerana mencederakan pelajar lain.
- Gambar NSTP/ALIAS ABD RANI

CEDERAKAN PELAJAR LAIN DEPAN SEKOLAH

4 pelajar didakwa

Oleh Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my

Muar

Empat pelajar sebuah sekolah menengah di daerah ini didakwa di Mahkamah Majistret di sini, semalam atas pertuduhan mendatangkan kecederaan terhadap seorang pelajar lain kerana enggan menyertai kumpulan mereka, Khamis lalu.

Keempat-empat pelajar berusia 16 dan 17 tahun itu dengan seorang daripadanya berhadapan dua pertuduhan mengaku tidak bersalah sebaik pertudu-

han dibaca di hadapan Majistret Norfarah Syahidah Mohd Noh.

Mengikut kertas pertuduhan yang dibacakan bersama-sama, mereka didakwa menumbuk dan memukul seorang pelajar lelaki berusia 16 tahun di hentian bas di hadapan sekolah menengah di sini, pada jam 1.20 tengah hari, 5 Oktober lalu.

Berikutan itu, semua tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksamaan yang dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama.

Mereka boleh dikenakan hukuman penjara se-

hingga setahun atau denda RM2,000 atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Seorang lagi tertuduh berusia 17 tahun juga berhadapan satu lagi pertuduhan mengikut seksyen sama kerana sengaja mendatangkan kecederaan terhadap pelajar lelaki berusia 15 tahun. Semua kejadian dan masa berlaku di tempat sama.


Pendakwaan dilakukan Pegawai Pendakwa Asisten Superintendan Mohammad Zuwairi Md Nor manakala semua tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, pihak pen-

dakwaan memohon supaya jaminan tertinggi dikenakan dengan mengambil kira tindakan dibuat ke atas semua tertuduh.

Mahkamah kemudian, mengarahkan tiga tertuduh diikat jamin RM1,000 setiap seorang manakala tertuduh yang dikenakan dua pertuduhan pula diikat jamin sebanyak RM1,700.

Susulan pengakuan tidak bersalah dibuat semua tertuduh, mahkamah menetapkan 21 November ini sebutan semula kes, serahan dokumen, laporan ahlak serta lantikan peguam.



TAJUK : IBU LESAP LEPAS SERAH

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 13 OKT 2023

M/SURAT : 19

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Ibu lesap lepas serah

*Budak tiga tahun ditinggalkan
ketika baru berusia tujuh hari*

Oleh Samadi Ahmad
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Comel dan buat hati jatuh kasih. Malangnya kanak-kanak lelaki diberi nama Mikhail Qayyum berusia tiga tahun ini dibuang ibu kandungnya sejak masih bayi.

Difahamkan kanak-kanak itu ditinggalkan ibu kandung kepada seorang wanita tempatan ketika Mikhail baru berusia tujuh hari.

Ibu kanak-kanak itu yang turut meninggalkan surat pengesahan kelahiran hospital kemudian lepas tanpa menghiraukan nasib zuriatnya.

Wanita tempatan yang menjaga bayi terbabit, Nurul Jehan Mohd Sharif berkata, bayi itu diserahkan kepadanya tiga tahun lalu oleh wanita dikenali sebagai Narun berasal dari Kemboja.

Menurutnya, wanita terbabit bagaimanapun tidak pernah datang menjenguk dan mengambil tahu keadaan anaknya itu.

Dia yang menetap di Pulau Meranti, Puchong memaklumkan sudah membuat permohonan kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Sepang bagi mendapatkan status penjagaan terhadap kanak-kanak itu.

Katanya, dia dalam proses mendapatkan dokumen pengenalan diri bagi



JKM Sepang mohon bantuan bagi mengesan ibu kandung Mikhail Qayyum. - Gambar ihsan JKM

kanak-kanak itu.

"Dokumen itu penting bagi memudahkan Mikhail Qayyum untuk mendaftar di sekolah dan mendapat rawatan di hospital," katanya.

Sementara itu, pelindung JKM Sepang, Nur Ilyana Abdullah berkata, pihaknya menerima status permohonan penjagaan kanak-kanak itu pada 20 Februari lalu.

Katanya, kelahiran bayi itu tidak didaftarkan dan ibu kandung kanak-kanak itu hanya menyerahkan pengesahan kelahiran dari Pusat Pakar Wanita dan Bersalin Mutiara, Puchong Selangor.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung ibu kanak-kanak itu diminta untuk menghubungi Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Sepang di talian 03-87061026," katanya



TAJUK : ISTERI ARWAH DIJANGKA BERSALIN JANUARI DEPAN

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 13 OKT 2023

M/SURAT : 17

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Zuliaty Zulkiffi
am@hmetro.com.my

Sungai Petani

Sedih tidak berkata apabila isteri Allahyarham pendaki Malaysia, Hazlami Ahmad Nizam, 33, yang maut di Nepal sedang hamil 26 minggu dan dijangka bersalin Januari tahun depan.

Perkara itu dinyatakan sepupu arwah, Shahidah Nailul Morad, 37, selepas majlis pengebumian jenazah di Tanah Perkuburan Islam Kampung Bukit, di sini jam 5 petang kelmarin.

Menurutnya, arwah meninggalkan seorang isteri, Nur Farhah Busyra Ismail, 33, dan tiga anak iaitu, Munawarah, setahun, Muhammad, empat tahun dan Mawardah, enam tahun.

Katanya, arwah yang meninggal dunia di pergunungan Mera Peak, Nepal, Khamis lalu seorang yang sangat baik dan mereka membesar bersama-sama sejak kecil.

Katanya, dia seolah tidak percaya yang Hazlami sudah tiada dan tidak tahu arwah pergi ke Nepal berapa lama.

"Dia ke sana untuk misi pendakian dan mempunyai pengalaman dalam pendakian di luar negara sebelum ini. Kehilangan arwah amat dirasai," katanya.

Menurut Shahidah, Hazlami seorang individu yang sukakan aktiviti lasak dan mencabar.

Lebih 100 orang termasuk ahli keluarga dan kenalan Allahyarham hadir untuk memberi penghormatan terakhir termasuk bapa arwah, Ahmad Nizam Damiri, 65, dan kakak sulungnya, Nur Liyana, 35.

Terdahulu, jenazah Allahyarham Hazlami tiba di Masjid Muhibbudin,

Isteri arwah dijangka bersalin Januari depan

Jenazah Hazlami yang maut di Nepal selamat dikebumikan



JENAZAH Hazlami disolatkan di Masjid Muhibbudin, Sungai Pasir, Sungai Petani sebelum dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Bukit.



Dia ke sana untuk misi pendakian dan mempunyai pengalaman dalam pendakian di luar negara sebelum ini. Kehilangan arwah amat dirasai"

Shahidah

NUR Liyana Ahmad Nizam menemani anak saudaranya, Mawardah Hazlami, 6, anak sulung Hazlami di pusara bapanya.


Sungai Pasir dari Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang jam 3 petang untuk disolatkan sebelum dikebumikan.

Media sebelum ini melaporkan, Hazlami yang juga kakitangan Petronas Chemicals, Gebeng, Kuantan, Pahang dilaporkan meninggal dunia ketika menyertai aktiviti mendaki

di Mera Peak, Nepal pada ketinggian 5,700 meter (m) dari aras laut.

Allahyarham dilaporkan tidak sihat sebelum meninggal dunia di tempat kejadian.

Pihak hospital mengesahkan kematian Hazlami berpunca daripada serangan akut gunung.



TAJUK : LELAKI, TEMAN WANITA DISAMBUNG REMAN TIGA HARI

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 13 OKT 2023

M/SURAT : 18

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Butterworth: Perintah reman terhadap sepasang kekasih yang menghasilkan bahan letupan sendiri (IED) sebelum meletupkannya di kaki lima hadapan rumah jiran Ahad lalu, disambung tiga hari lagi.

Terdahulu, dua suspek yang berpakaian lokap tiba di pekarangan mahkamah, di sini sekitar jam 10.30 pagi semalam, sebelum mereka diiringi polis untuk mendapatkan sambungan reman.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah Asisten Komisioner Mohd Asri Shafie, berkata, permohonan sambung reman terhadap suspek lelaki berusia 32 dan wanita berusia 38 tahun itu membolehkan siasatan lanjut diteruskan.

"Reman suspek tamat hari ini (semalam) dan mahkamah membenarkan ia disambung selama tiga hari lagi hingga Sabtu bagi

BOM RUMAH JIRAN

Lelaki, teman wanita disambung reman tiga hari



SEORANG lelaki tempatan (kanan) dan rakan serumahnya yang juga wanita warga asing berusia 38 tahun dibawa ke mahkamah. - Gambar NSTP/DANIAL SAAD

membolehkan polis melengkapkan siasatan berhubung kes ini," katanya semalam.

Dua suspek berkenaan, sebelum itu direman selama empat hari sejak Isnin bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 6 Akta Bahan Letupan 1957, Seksyen 8 Akta Bahan Letupan, Kakisan dan Senjata Berbahaya 1958 serta Seksyen 8 Akta Senjata 1960.

Isnin lalu, media melaporkan mengenai satu kejadian letupan mengejutkan beberapa penghuni flat Taman Pandan, Sungai Puyu, di sini, pada jam 12.56 tengah hari Ahad lalu.


Seorang saksi yang keluar membuat pemeriksaan kemudian menemui bungkusan dipercayai ba-

han letupan dan menghubungi polis untuk tindakan selanjutnya.

Polis terdiri daripada Unit Pemusnah Bom (UPB), Forensik serta Unit Anjing Pengesan (K9) digerakkan ke tempat kejadian dan mendapati bahan letupan itu adalah *Improvised Explosive Device* iaitu peranti letupan yang telah diubahsuai.

Mohamad Asri dilaporkan berkata, susulan daripada insiden terbabit polis kemudian membuat penahanan ke atas suspek lelaki dan kekasihnya yang juga wanita warga Indonesia pada jam 8.30 malam.

Suspek mengaku telah mempelajari cara membuat bom melalui laman web.



TAJUK : MAYAT PENDAKI WANITA DISEMPURNAKAN DI NEPAL

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 13 OKT 2023

M/SURAT : 17

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



LOO Sin

Mayat pendaki wanita disempurnakan di Nepal

Putrajaya: Mayat pendaki wanita Malaysia, Tew Loo Sin, 51, yang maut ketika menyertai misi menawan Annapurna Base Camp (ABC) di Nepal selesai menjalani proses bedah siasat di Hospital Gandaki, Pokhara, Kaski, Selasa lalu. Jurucakap Pejabat Perwakilan Diplomatik Malaysia (Malawakil) di Nepal ketika dihubungi berkata, pihak hospital turut mengesahkan punca kematian Loo Sin disebabkan serangan akut gunung.

Menurutnya, proses pembakaran mayat mangsa juga sudah dijalankan pada hari sama dan abu



Malawakil akan melaporkan perkembangan seterusnya selepas mendapat maklumat daripada keluarga waris"

Jurucakap Malawakil

mayat diserahkan kepada rakan mendiang, Wong Khay Chin mewakili ahli keluarga yang turut serta

dalam aktiviti pendakian itu.

Katanya, Khay Chin hadir ke Malawakil di Nepal semalam bagi mendapatkan dokumen pengesahan kematian mendiang dan proses membawa pulang abu mayat ke tanah air.

"Malawakil akan melaporkan perkembangan seterusnya selepas mendapat maklumat daripada keluarga waris," katanya.

Berita kematian Loo Sin diterima Malawakil di Nepal pada Isnin lalu kira-kira jam 4 petang (waktu tempatan).

Mendiang bersama beberapa ahli kumpulan pen-

daki dari Malaysia dilaporkan tiba di Kathmandu pada 1 Oktober lalu bagi menyertai aktiviti berkenaan.

Menurut sumber, Loo Sin yang juga peminat aktiviti mendaki dilaporkan mengalami sesak nafas pada malam Sabtu lalu di ABC pada ketinggian 4,130 meter (m) dari aras laut dan dibawa turun ke Machapuchare Base Camp (MBC) (3,600m dari aras laut) bagi mendapatkan bekalan oksigen.

Loo Sin yang masih bujang dilaporkan meninggal dunia pada jam 2 pagi Ahad lalu.



TAJUK : NAFI CURI JAM ROLEX

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 13 OKT 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Muhammad
Zulsyamini Sufian Suri
am@hmetro.com.my

Ipoh

Seorang wanita mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret di sini, semalam atas tuduhan mencuri dua jam tangan mewah milik suaminya dua tahun lalu.

Tertuduh, Mou Ei Leen @Eileen Mou, 41, dari Kuantan, Pahang membuat pengakuan tidak bersalah itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Siti Nora Sharif.

Wanita itu yang dalam proses perceraian dengan suaminya dituduh mencuri seutas jam tangan Rolex Sky Dweller serta seutas jam tangan Rolex GMT Master-II 9.

Tertuduh didakwa melakukannya di kediaman di Laluan Rapat Ria 3, Pinggiran Rapat Ria di sini, Januari 2021.

Perbuatan itu adalah kesalahan mengikut Seksyen 380 Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun dan denda.

Pertuduhan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Noor Nabilah Norzam manakala peguam mewakili tertuduh adalah Gurbachan Singh.

Pihak pendakwa menawarkan jaminan RM7,000 namun Gurbachan merayu jumlah itu dikurangkan dengan mengambil kira tertuduh kini adalah suri rumah dan perlu menjaga dua anaknya yang berse-

“Ketika kejadian curi itu berlaku, suami isteri itu masih tinggal bersama”

MOU Ei Leen
dibenarkan diikat jamin
sebanyak RM3,000.



WANITA TAK MENGAKU BERSALAH

Nafi curi jam Rolex suami

kolah.

Gurbachan berkata, anak guamnya itu kini dalam proses perceraian dengan suaminya itu yang juga seorang pegawai polis dan mereka kini tinggal ber-

singan sejak dua tahun lalu.

“Ketika kejadian curi itu berlaku, suami isteri itu masih tinggal bersama,” kata Gurbachan sewaktu proses mitigasi.

Mahkamah kemudian membenarkan supaya tertuduh diikat jamin sebanyak RM3,000 selain menetapkan 22 November depan sebagai tarikh sebutan semula kes.



TAJUK : PETANI TAK MENGAKU ROGOL ANAK TIRI

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 13 OKT 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Petani tak mengaku rogol anak tiri

Kuala Kangsar: Seorang petani mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan merogol anak tirinya yang juga kanak-kanak bawah umur minggu lalu.

Tertuduh lelaki berumur 41 tahun itu membuat pengakuan terbabit sejour pertuduhan terhadapnya dikemukakan di hadapan Hakim Rohaida Ishak.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa merogol mangsa berusia 11 tahun tiga bulan di pondok dalam kebun di kawasan Air Ganda, Gerik, Hulu Perak kira-kira jam 3 petang 3 Ok-

tober lalu.

Kesalahan itu boleh dihukum mengikut Seksyen 376(3) Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara minimum lapan tahun namun tidak melebihi 30 tahun dan sebatan yang tidak kurang daripada 10 sebatan.

Pertuduhan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Firdaus Nor Azlan manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Tiada jaminan ditawarkan pihak pendakwa-an beriku-

tan mangsa kes adalah anak tiri tertuduh.

Tertuduh meminta jaminan ditawarkan berikutan dia yang bekerja kampung menjaga isterinya yang juga ibu mangsa, yang menghidap darah tinggi selain turut menjaga ibu tirinya yang lumpuh.

Namun mahkamah tetap membenarkan permintaan pihak pendakwa-an supaya tiada jaminan ditawarkan.

Hakim turut menetapkan 15 November depan sebagai tarikh sebagai tarikh

untuk sebutan semula kes sementara proses lantikan peguam tertuduh dan juga laporan perubahan mangsa diperolehi.

Terdahulu, Ketua Polis Perak, Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri dilaporkan media berkata, pihaknya menahan seorang lelaki selepas disyaki merogol anak tirinya yang juga kanak-kanak perempuan berusia 11 tahun sejak tiga tahun lalu.

5 November depan ditetapkan sebagai tarikh sebutan semula kes



TERTUDUH diiring anggota polis di Mahkamah Sesyen, semalam.



TAJUK : RM1.4J 'TERBANG' LABUR WANG TAK WUJUD DI NY

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 13 OKT 2023

M/SURAT : 16

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

RM1.4j 'terbang' labur wang tak wujud di NY

Oleh Nur Izzati
Mohamad
am@hmetro.com.my

Wanita tertipu iklan pelaburan mata wang kripto di Facebook gagal dapat satu sen pun

Nibong Tebal

Gara-gara tertarik dengan iklan berkaitan pelaburan mata wang kripto berpangkalan di New York, seorang juruaudit sebuah syarikat swasta kerugian hampir RM1.49 juta.

Ia selepas mangsa yang juga seorang wanita tempatan berusia 43 tahun itu ditipu sindiket pelaburan tidak wujud.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Selatan Superintendan Ng Ah Thiam berkata, kejadian bermula pada 2 Mei lalu ketika mangsa melihat satu iklan pelaburan di Facebook (FB)

sehingga menarik minatnya untuk mengetahui lebih lanjut.

"Mangsa tertarik sehingga dia kemudian mengikuti pautan yang ada dalam iklan terbabit dan seterusnya mendapat penerangan mengenai pelaburan saham yang ditawarkan.

"Selepas selesai mendapat penerangan, mangsa berminat untuk menyertai

pelaburan itu dan dia kemudian membuat beberapa transaksi pembayaran dengan jumlah keseluruhan hampir RM1.49 juta ke dalam beberapa akaun bank yang diberikan oleh sindiket terbabit.

"Bagaimanapun, sehingga kini dia gagal mengeluarkan keuntungan serta modal yang dilaburkan. Bahkan dia secara berterusan dipaksa menambah


wang pelaburan," katanya dalam kenyataan yang dimuat naik dalam laman rasmi Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seberang Perai Selatan di sini, semalam.

Jelasnya, mangsa yang sedar dirinya terjerat dalam sindiket penipuan membuat laporan polis, kelmarin.

"Polis menasihatkan orang ramai supaya tidak mudah mempercayai dengan sebarang bentuk pelaburan yang menjanjikan keuntungan di media sosial," katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksamaan kerana menipu.

"Sehingga kini dia gagal mengeluarkan keuntungan serta modal yang dilaburkan. Bahkan dia secara berterusan dipaksa menambah wang pelaburan"



TAJUK : AUDITOR LOSES RM1.49M TO CRYPTO INVESTMENT SCAM

HARI : JUMAAT

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 13 OKT 2023

M/SURAT : 09

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

ADVERTISED ON FACEBOOK

Auditor loses RM1.49m to crypto investment scam

NIBONG TEBAL: An auditor from a private company in Sungai Bakap near here lost almost RM1.49 million due to her fascination with cryptocurrency investment advertisements purportedly based in New York.

The 43-year-old woman fell prey to a non-existent investment scheme.

Seberang Prai Selatan police chief Superintendent Ng Ah Thiam said the victim on May 2 came across an investment advertisement posted on Facebook that piqued her interest.

She followed a link in the advertisement and received an explanation about the offered stock investment, he said.

He said the victim decided to

join the purported investment opportunity and subsequently made several deposits totalling almost RM1.49 million into several bank accounts provided by the syndicate.

Despite her substantial investment, she could not retrieve any return, and was trapped in a cycle of enticements for more funds, said Ng.

After realising that she had become a victim of a fraud syndicate, the woman turned to the police on Wednesday, he added.

Police advised the public to avoid easily trusting any investment promising profits on social media.

This case is being investigated under Section 420 of the Penal Code for fraud.



Ng Ah Thiam



TAJUK : COMPANY AUDITOR LOSES RM1.48 MLN TO NON-EXISTENT INVESTMENT

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 13 OKT 2023

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM


Company auditor loses RM1.48 mln to non-existent investment

NIBONG TEBAL: A company auditor lost RM1.48 million after being deceived into investing in a company stock which actually did not exist.

Seberang Perai Selatan police chief Supt Ng Ah Thiam said the 43-year-old woman, who works in Sungai Bakap, claimed she saw the advertisement by the New York-based company on Facebook on May 2.

"She followed the advertisement link and subsequently got an explanation about the stock investment and then made payments in several transactions amounting to RM1.48 million into several accounts provided by the syndicate.

"However, after the money was deposited, she claimed not getting the profit as promised, but was asked to increase her investment to enable her to withdraw the money," he said in a statement yesterday. — Bernama



TAJUK : FREE HEALTH SCREENING HIGHLIGHT OF SENIOR CITIZENS DAY DO IN KAPIT

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 13 OKT 2023

M/SURAT : 10

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



Senior citizens having their cholesterol and glucose level checked during the event.

Free health screening highlight of Senior Citizens Day do in Kapit

KAPIT: A free health screening was carried out at the civic centre here recently in conjunction with the Kapit-level Senior Citizens Day celebration.

The programme saw senior citizens having their blood pressure, glucose, cholesterol, and body mass index checked by a team of medical personnel led Kapit deputy health officer Dr Joeffrey Sylvester.

Speaking to The Borneo Post, Dr Joeffrey advised senior citizens to always pay attention to their health and go for medical checkup at least once every year.


"Practise a healthy lifestyle

by exercising regularly and being mindful of your diet," he said.

The Senior Citizens Day event also saw welfare office personnel set up a counter to assist those aged 60 years and above apply for the Kenyalang Gold Card.

Also offering their services were personnel from the Kapit dental office and Kapit Information Department.

Senior Citizens Service Centre (PPWE) Kapit chairman Temenggong Datu Wilfred Billy Panyau, Pemanca Abang Hamzah Bolhassan and Pemanca Wong Kie Ing were among those present at the event.



TAJUK : HOSPITAL SENTOSA SEEKS PATIENT'S FAMILY TO ARRANGE FOR DISCHARGE

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 13 OKT 2023

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



Wong Yik
Khiong

Hospital Sentosa seeks patient's family to arrange for discharge


KUCHING: Sentosa Hospital here is looking for the next of kin of Wong Yik Khiong, 42, who has been warded at the hospital since July 14 this year.

In a statement, the hospital said Wong's last known address is Lot 4459, Lorong 3 Permy Jaya in Miri.

It is seeking the patient's next of kin to arrange for his discharge and medicine intake.

Those with information can call the social welfare medical officer Sukran Kana on [082-612321](tel:082-612321)/[612132](tel:612132)/[610252](tel:610252)/[612898](tel:612898) (ext. 335) or [011-58552256](tel:011-58552256) during office hours.

The hospital can also be contacted on [082-612321](tel:082-612321)/[612132](tel:612132)/[610252](tel:610252)/[612898](tel:612898) (ext. 407).



TAJUK : MAN WHO SET FIRE TO LATE GRANDDAD'S MOTORCYCLE JAILED SIX MONTHS

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 13 OKT 2023

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Man who set fire to late granddad's motorcycle jailed six months

KUCHING: The Magistrates' Court here yesterday sentenced a 30-year-old man to six months in jail for committing mischief by setting his late grandfather's motorcycle on fire.

Amerul Zaiyane Abdul Aziz pleaded guilty before Magistrate Zubaidah Sharkawi, who ordered for his jail sentence to take effect from yesterday.

He was charged under Section 435 of the Penal Code, which provides for a jail term of up to 14 years, or a fine, upon conviction.

Amerul committed the offence at a flat in Taman Dahlia, Jalan Matang here around 8pm on Oct 7, 2023.

Based on the facts of the case, Amerul's mother saw him going on a rampage without any apparent reason.

He proceeded to set fire to the

motorcycle belonging to his late grandfather, which was parked under the flat.

Although the fire was extinguished in time, his mother and other family members felt frightened and threatened by Amerul's action.


She filed a police report in which she valued the loss at RM1,000.

Amerul was arrested around 10pm the next day.

It is understood that he had intended to go somewhere on the night of the incident, but became dissatisfied and enraged when the motorcycle would not start.

This caused him to set the bike on fire.

Insp Nur Shafiq Nyaie Ilin prosecuted the case, while Amerul was unrepresented by legal counsel.



TAJUK : DATUK DENIES STEALING HUBBY'S ROLEXES

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 13 OKT 2023

M/SURAT : 15

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

IPOH: A police officer's wife with a Datuk title has claimed trial at the Magistrate's Court here for stealing two luxury watches from her husband at a house in Pinggiran Rapat Ria here two years ago.

Datuk Mou Ei Leen @ Eileen Mou pleaded not guilty after the charge under Section 380 of the Penal Code was read before Magistrate Siti Nora Sharif yesterday.

Datuk denies stealing hubby's Rolexes

Mou had allegedly stolen a Rolex Sky-Dweller (Model 326135) and a Rolex GMT Master-II (Model 116718 LN) from the storage house in January 2021.

The value of the timepieces was not stated in the charge sheet, but a quick search online showed that the watches are worth between

RM65,000 and RM180,000.

If found guilty, she could be jailed for up to 10 years and fined.

When requesting a lower bail, Mou's lawyer Gurbachan Singh said his client was unemployed.

"She is a single mother who is taking care of two school-going children," he said.


Siti Nora set bail at RM3,000 and Nov 22 for mention.

Outside the courtroom, Gurbachan said Mou was separated from her husband, the complainant in the case.

"They are not divorced but have been separated for two years.

"They were living together during the alleged offence," he said, adding that Mou was also suing her husband for defamation, with the case pending at the Ipoh High Court.





TAJUK : ELDERLY MAN FENDS OFF CAR THEFT

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 13 OKT 2023

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Elderly man fends off car theft


SUBANG JAYA: An elderly man suffered facial injuries after fending off four men who tried to steal his Toyota Camry at USJ 12.

Subang Jaya OCPD Asst Comm Wan Azlan Wan Mamat said the incident occurred at 9.33pm on Wednesday.

“We received information that an attempted robbery involving four men on two

motorcycles occurred. The suspects, armed with machetes, tried to steal a car from the 66-year-old man after he just reached home,” he said in a statement yesterday.

“We are now looking for the suspects,” he added, urging those with information to contact Insp Mohammad Faiz Naufal Zakaria at 019-485 8907.



TAJUK : THREE-YEAR-OLD IDENTIFIES 44 FLAGS IN A MINUTE

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 13 OKT 2023

M/SURAT : 17

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Three-year-old identifies 44 flags in a minute

A THREE-and-a-half-year-old girl from Batu Caves has earned a place in the *Malaysian Book of Records* by identifying 44 flags in one minute, *Malaysia Nanban* reported.


The girl's parents, Vasagam and Mathivathani, said they have been teaching their daughter Jeymithra about the flags of the countries in the world for the past year before bedtime. She managed to memorise most of the flags within a few months, the proud parents said.

Jeymithra, who is also one of the youngest piano players in Malaysia, had already etched her name in the *Jackhi Book of World Records* and *Indian Book of Records*.

She is now keen to get herself into the *Asian Book of Records* and *Guinness World Book of Records*, her parents said.

> Seventy-five laptops were distributed to SJK (T) Kajang by the Malaysian Indian Community Transformation Unit (Mitra), who has been working with Google as part of its tech drive to equip Tamil schools in the country, *Makkal Osai* reported.

Sungai Buloh MP and Mitra chairman Datuk Ramanan Ramakrishnan said 6,000 laptops have been earmarked for the 527 Tamil schools in the country.



TAJUK : AUDITOR LOSES RM1.48M IN SCAM

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE SUN DAILY

TARIKH : 13 OKT 2023

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Auditor loses RM1.48m in scam

NIBONG TEBAL: A company auditor lost RM1.48 million after being deceived into investing in a company stock which did not exist.

South Seberang Perai district police chief Supt Ng Ah Thiam said the 43-year-old woman, who works in

Sungai Bakap, claimed she saw the advertisement by the New York-based company on Facebook on May 2.

"She followed the advertisement link and subsequently got an explanation about the stock

investment and then made payments in several transactions amounting to RM1.48 million into several accounts provided by the syndicate.

"However, after the money was deposited, she claimed she did not get the profit as promised but was

asked to increase her investment to enable her to withdraw the money," he said in a statement yesterday.

Ng added that the woman lodged a report last Monday after realising that she had been cheated.
- Bernama



TAJUK : 85 KANAK-KANAK TABIKA KEMAS KOMTA SERTA SENAMROBIK DAN SUKANeka

HARI : JUMAAT

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 13 OKT 2023

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



CERGAS: Kanak-kanak menyertai program senamrobik dan sukaneka di Tabika KEMAS Komta, Sri Aman sempena HSN, semalam.

85 kanak-kanak Tabika KEMAS Komta sertai senamrobik dan sukaneka

SRI AMAN: Seramai 85 kanak-kanak Tabika Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Komta di sini telah terlibat dalam program senamrobik dan sukaneka di sini, semalam.

Kanak-kanak yang terlibat dalam program ini melibatkan empat kelas iaitu Kelas A, B, C dan D serta dua kelas taska.

Program ini bersempena sambutan Hari Sukan Negara (HSN) yang akan dilaksanakan di seluruh negara pada Sabtu ini.

Selain itu, penganjuran acara ini juga turut bertujuan untuk memberi pendedahan tentang HSN dan kesedaran pentingnya kesihatan kepada kanak-kanak.

Turut serta ialah guru Tabika KEMAS Komta Dayang Norshila Zulkipli, Janet Entayang Juman dan Winner Abdul Rahman manakala guru Taska KEMAS Komta pula ialah Doria Tom, Noratiqah Yusuf dan Lydia Julai.